



KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN 16 HARI MENENTANG KEGANASAN
TERHADAP WANITA DAN KANAK-KANAK
25 NOVEMBER 2024 | DEWAN MAKAN ANNEX, SUK SELANGOR, SHAH ALAM**

**ANJURAN:
JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,
KEBAJIKAN MASYARAKAT & EKONOMI PENJAGAAN (CARE ECONOMY)**

MELALUI

WANITA BERDAYA SELANGOR

SHAH ALAM, 25 November 2024 - Pelancaran Kempen 16 Hari Menentang Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-kanak, disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Kempen ini bertujuan:

- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu keganasan berasaskan gender, termasuk keganasan rumah tangga.
- Memberikan pendidikan kepada masyarakat mengenai langkah yang boleh diambil oleh mangsa untuk melindungi diri.
- Menggalakkan penglibatan semua pihak dalam usaha membasmi keganasan berasaskan gender.

Dalam membendung keganasan berasaskan gender di serata dunia, 16 Hari Aktivisme terhadap Keganasan Berasaskan Gender adalah kempen antarabangsa tahunan yang bermula pada 25 November sehingga 10 Disember.

Negeri Selangor telah mengangkat tema tahun ini, "Bersatu! Menentang Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-kanak". Kempen ini bukan sekadar aktivisme; ia adalah panggilan untuk bertindak. Kita perlu bersatu untuk menghentikan keganasan yang meragut kesejahteraan wanita dan kanak-kanak.

Statistik membimbangkan di Selangor menunjukkan sebanyak 813 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan dari Januari hingga Ogos 2024, dengan daerah Gombak mencatatkan kes tertinggi sebanyak 147 kes. Ini menandakan perlunya tindakan kolektif dan kolaborasi semua pihak dalam menangani isu ini.

Pelbagai program akan dilaksanakan sepanjang kempen ini, termasuk:

- Pertandingan Karikatur dan Video Pendek (Penyertaan dibuka bermula 1 sehingga 30 November 2024).
- Kempen Jinggakan Selangor, pakai jingga dan OOTD kemudian muat naik di Media Sosial (25 November 2024)
- Persembahan Teater bertajuk “Disebalik Tirai” bertempat di Pentas Utama, Pesta Buku Antarabangsa Selangor (29 November 2024).
- Interatif Talk “Jangan Jadi Mangsa Keganasan” di Pesta Buku Antarabangsa Selangor (29 November 2024).
- Majlis Penutup Kempen dan pementasan teater di Dewan Auditorium (10 Disember 2024).
- Dahlia’s Women Empowerment Program (UiTM Puncak Alam) (8 November hingga 15 Disember 2024)
- Edaran risalah di 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh DUN Selangor.

Kempen ini turut disokong oleh pelbagai agensi Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Pembangunan Penduduk & Keluarga Negara, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Puncak Alam, UNISEL, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Universiti Islam Selangor (UIS), dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd.

Imma Mansor : +6013-2898399

Amalia Shukri : +60 11-31051027